

Cerita bekas tahanan penjara Abu Gharib



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan mangsa tahanan penjara Abu Gharib, Ali Shalah selepas merasmikan Forum Keamanan Sedunia di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar RAHMAN SALLEH

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Bekas tahanan penjara Abu Gharib di Baghdad, Ali Shalah mendakwa tentera Amerika Syarikat (AS) membina 27 buah penjara rahsia baru bagi mengurung tahanan Iraq yang menentang kuasa tentera itu.

Ali yang kini berusia 46 tahun berkata, penjara itu dibina di sekitar Baghdad, Basra dan utara Iraq.

Katanya, kerajaan AS mengaburi dunia dengan mengatakan bahawa keganasan di bumi Iraq sudah lama berhenti.

"Tetapi sebagai warga Iraq, saya tahu apa yang sedang berlaku di negara saya. Memang betul penjara Abu Gharib sudah ditutup tetapi bagaimana pula dengan 27 penjara baru lain yang dibina secara rahsia ini.

"Jika ada rakyat Iraq yang menentang tentera AS sudah pastinya mereka akan dikurung dan disiksa dalam penjara. Apakah ini yang kerajaan AS kata bahawa keganasan sudah berakhir di Iraq.

"Apa dosa kami sehingga setiap pagi apabila keluar rumah sahaja pasti ada mayat rakyat Iraq yang bergelimpangan. Iraq adalah tanah kami. AS tiada hak untuk berada di bumi kami. Biarkan kami menentukan kerajaan kami sendiri," kata Ali.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang - Jadikan Peperangan Satu Jenayah yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

UM- 6/2/2007

Saya tahu apa yang sedang berlaku di negara saya. Memang betul penjara Abu Gharib sudah ditutup tetapi bagaimana pula dengan 27 penjara baru lain yang dibina secara rahsia ini

ALI SHALAH
Bekas tahanan
penjara Abu Gharib

Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh Pertubuhan Keamanan Sejagat Dunia.

Ditanya mengenai pengalaman menjadi tahanan perang, Ali yang juga seorang guru yang mengajar bidang syariah di sebuah institut Islam di pinggir Baghdad berkata, hidupnya sungguh sengsara selama dia ditahan di penjara itu.

Tambah Ali, pada petang 13 Oktober 2003, dia dalam perjalanan ke sebuah masjid yang terletak di bandar Baghdad untuk sembahyang.

"Ketika saya berjalan kaki ke masjid, saya melihat sekumpulan tentera AS yang memegang senjata berdiri di pekarangan masjid. Belum sempat saya menjejak kaki ke masjid, tentera AS mencekup saya dari belakang.

"Saya tidak tahu sebab apa mereka menangkap saya, apakah kesalahan saya. Yang saya tahu sebelum saya dihantar ke penjara Abu Gharib saya ditahan di sebuah gua kecil di Baghdad selama dua hari," katanya.

Ali yang juga bapa kepada lima orang anak

berkata, dia berada di penjara itu selama enam bulan sebelum dibebaskan.

"Saya melalui pelbagai penderitaan sepanjang berada di penjara itu. Bayangkan ketika saya memasuki penjara berkenaan berat badan saya ialah 120 kilogram. Selepas bebas ia menyusut sebanyak 40 kilogram.

"Apa yang saya dan rakan-rakan saya lalui di penjara itu tidak dapat dilupakan sepanjang hayat saya. Apa yang berlaku, biarlah ia berlaku, kami tidak mahu rakyat Iraq hidup dalam sengsara lagi," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Mangsa-Mangsa Penjara Pencerobohan AS (PMP-PAS) berkata, kini di Iraq kanak-kanak tidak dapat bersekolah, tidak mempunyai bekalan air bersih, tiada bekalan elektrik dan tiada keamanan.

Menurut Ali, peperangan bukan penyelesaian kepada segala masalah.

"Mengapa mesti kita menggunakan kekerasan. Agama mana yang mengajar umatnya untuk melakukan keganasan, pembunuhan atau peperangan," katanya.